

# Puteri perlu bekerjasama dengan komponen lain Umno

BH 2 NOV 2002

KUALA LUMPUR, Jumaat – Pemimpin Umno berharap Pergerakan Puteri yang mengadakan perhimpunan agung pertama hari ini, dapat meneruskan kerjasama dengan komponen lain dalam Umno.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak, berkata penubuhan Puteri ialah landasan kepada wanita muda mengumpul pengalaman berpolitik dan persiapan sebagai pemimpin yang lebih berkesan apabila sampai waktunya.

Beliau berkata, Puteri Umno kini menjadi sayap penting dalam parti yang ditubuhkan dengan penuh harapan bagi menggembelng tenaga di kalangan wanita muda dalam politik.

“Kesinambungan perjuangan Umno lebih terjamin kerana perancangan yang sistematik bagi melatih mereka menghayati perjuangan parti sebenar.

“Malah penubuhan Puteri Umno mencerminkan perjuangan wanita yang bersikap lebih idealistik,” katanya ketika ditemui pemberita pada Perhimpunan Agung Puteri Umno, di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini, hari ini.

Beliau mengulas ucapan Presiden Umno yang juga Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengingatkan anggota Puteri Umno supaya dapat mengimbangi antara peranan mereka dalam meneruskan perjuangan parti dan tanggungjawab sebagai ibu serta keluarga.

Dr Mahathir berkata, ahli Puteri Umno yang disertai generasi muda bukan saja perlu bergerak cergas dalam politik tetapi memupuk budaya baru supaya generasi akan datang lebih berjaya.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata Puteri Umno perlu menjadikan ucapan Presiden parti sebagai panduan kerana kesan penubuhannya akan dirasai 50 tahun akan datang.

Beliau berkata, walaupun Puteri Umno adalah cabang baru parti, tugas besar menanti mereka dalam usaha memantapkan parti dengan mengengahkan budaya politik sihat serta menggerakkan pelbagai program kepada orang Melayu.

Beliau turut menolak anggapan wujud krisis antara Wanita dan Puteri dan mengangap ia tidak akan menjadi isu kerana berdasarkan laporan, beberapa bahagian Puteri yang dalam proses pencalonan mendapat sokongan Wanita.

“Saya fikir, kepemimpinan Puteri selepas ini akan serius bekerja dan menyedari ada kewajipan dan tanggungjawab yang perlu mereka laksanakan,” katanya.

Sementara itu, Ahli Majlis Tertinggi Umno, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin, berkata Puteri Umno adalah kumpulan wanita muda yang bersungguh-sungguh dalam membantu tindakan Umno.

Beliau berkata, kehadiran Puteri membuka fasa baru kerana kehadiran mereka dilihat memeriahkan lagi Umno kerana sikap mereka yang bekerja secara ikhlas dan mereka mudah berhubung dan bergaul walaupun banyak pihak yang menghina terutama ketika pilihan raya kecil.

“Mereka lebih gigih dan semangat, jadi kita hargai. Dulu kita sangka wanita pasif bekerja tetapi kini mereka membuktikan sebagai kumpulan yang begitu dinamik dan boleh diharapkan,” katanya.